



Ruj. Tuan :
Ruj. Kami : JPNPP(SUK)600-2/28.Jid. 2(85)
Tarikh 24 Ogos 2016

**Guru Besar
Semua Sekolah Rendah Pulau Pinang**

Tuan ,

**UJIAN PEMILIHAN UNTUK KEMASUKAN ATLET MURID OLAHRAGA, BOLA SEPAK,
BOLA JARING, SEPAK TAKRAW, HOKI DAN MEMANAH KE TINGKATAN 1 DI
SEKOLAH SUKAN NEGERI – SMK MUTIARA IMPIAN BAGI TAHUN 2017**

Dengan segala hormatnya saya diarah merujuk kepada perkara di atas.

2. Sukacita dimaklumkan bahawa Unit Sukan Jabatan Pendidikan Pulau Pinang dan SMK Mutiara Impian akan mengadakan program di atas untuk mengenalpasti atlet murid Tahun 6 (2016) untuk kemasukan ke Tingkatan 1 di SMK Mutiara Impian bagi tahun persekolahan 2017 mengikut ketetapan di bawah :

Tarikh	: 20 September 2016 - Olahraga 21 September 2016 - Sepak Takraw dan Bola Jaring 22 September 2016 - Hoki dan Memanah 27 September 2016 - Bola Sepak (Daerah Pulau) 28 September 2016 - Bola Sepak (Daerah Seberang Perai)
Masa	: 8.00 pagi - 12.30 tengah hari
Pendaftaran	: 7.30 pagi - 8.00 pagi
Tempat	: SMK Mutiara Impian, Simpang Ampat, Seberang Perai Selatan
Pakaian	: Pakaian dan Kasut Sukan yang besesuaian dengan sukan dipilih

3. Atlet murid yang berminat untuk menghadiri program di atas mesti memenuhi syarat am seperti berikut :

- Ketinggian atlet mestilah 160 cm untuk lelaki dan 155 untuk perempuan
- Sekurang-kurangnya pernah mewakili daerah ke peringkat negeri dan berpotensi dalam sukan yang diceburi
- Lulus Bahasa Melayu di peringkat UPSR
- Sihat tubuh badan

4. Borang-borang yang berkaitan dengan program di atas boleh dimuatturun dari laman sesawang MSSPP iaitu www.msspp.com dan perlu diisi dengan lengkap serta dibawa bersama semasa menghadiri ujian di atas.

5. Hanya atlet murid yang memenuhi syarat am dan melepasi ujian pemilihan yang dijalankan akan ditawarkan kemasukan kelak.



6. Sehubungan dengan itu, dipohon jasa baik tuan untuk menghebahkan perkara ini kepada semua murid Tahun 6 dan memberi kebenaran murid yang berminat untuk menghadiri program di atas.

7. Sebarang pertanyaan, sila hubungi Encik Nagarajan Veloo di Unit Sukan melalui talian 017-4162303 atau Encik Shimsol Kasim di SMK Mutiara Impian melalui talian 012-4686726.

8. Kerjasama tuan dalam perkara ini amat dihargai.

Sekian, terima kasih.

**'SEHATI SEJIWA'
'PENDIDIKAN PULAU PINANG DI PERSADA ANTARABANGSA'
'BERKHIDMAT UNTUK NEGARA'**

Saya yang menurut perintah,



(ISMAIL BIN MOHD SAID)

Ketua Sektor Pembangunan Kemanusiaan
b.p Pengarah Pendidikan Pulau Pinang

- s.k
1. Pengarah Pendidikan Pulau Pinang
 2. Ketua Pegawai Pendidikan Daerah Timur Laut / Barat Daya / Utara / Tengah / Selatan
 3. Ketua Unit Sukan JPPP